


Hamedan

Kota Tamadun Dunia dan Legasi Ibnu Sina

Hamedan merupakan kota tua yang terletak di bahagian barat laut Iran. Penulis tiba di kota tersebut dari kota Isfahan yang berada di bahagian tengah Iran. Perjalanan menaiki bas mengambil masa selama lapan jam. Harga tiket bas pula sekitar RM16. Pada awalnya, penulis hanya bercadang untuk singgah di kota tersebut sebelum meneruskan perjalanan ke Zanzan dan Tabriz. Dari stesen bas utama, penulis menaiki bas tempatan untuk bergerak ke daerah kota tua, iaitu sebuah kawasan bersejarah di Hamedan. Sewaktu di kota tua tersebut, penulis telah berjalan kaki untuk mengeksplorasi dan mengamati keadaan sekitar kawasan tersebut.



Dataran Imam Khomeini, Hamedan.

Hiasan dinding gergasi di Terminal Bas Hamedan.

Contoh duit Iran.

Penulis turut mengambil peluang untuk meneroka bazar dan dataran utama kota tersebut sambil menyelami degup nadi kehidupan masyarakat setempat. Dataran luas di kota Hamedan dikenali sebagai "Dataran Imam Khomeini" yang merupakan ikon bagi kota tersebut. Penulis turut menyelami keadaan dan suasana kota Hamedan dengan berimajinasi tentang peradaban kota tersebut pada zaman kegemilangannya.

Lokasi pertama yang dilawati oleh penulis ialah makam Ibnu Sina. Ibnu Sina terkenal sebagai bapa perubatan Islam. Di Barat, beliau dikenali sebagai Avicenna. Nama sebenar beliau ialah Abu Ali al-Hussain Ibn Abdallah Ibn Sina. Beliau dilahirkan di Afshana, Bukhara, di Uzbekistan, pada tahun 980 M (Masihi). Walaupun dilahirkan di Uzbekistan, masa beliau banyak dihabiskan di Hamedan. Beliau juga mencipta era

kegemilangan (dalam ilmu kedokteran) di kota Hamedan. Beliau meninggal dunia pada tahun 1037 M dan meninggalkan legasi di kota yang amat dicintainya.

Nama Ibnu Sina mula dikenali selepas beliau berjaya menyembuhkan penyakit Putera Nub Ibn Nas al-Samani. Ketokohan Ibnu Sina dalam bidang perubatan begitu terserlah sehingga beliau digelar sebagai al-Syeikh al-Rais yang bermaksud "mahaguru utama". Kemasyhuran beliau melangkaui wilayah dan sempadan benua. Bukunya seperti *al-Qanun fi'l-tibb* telah diterbitkan di Itali pada tahun 1593. Selain itu, buku tersebut telah diterjemahkan dalam bahasa Inggeris dengan judul *Precepts of Medicine*. Dalam tempoh kurang 100 tahun, iaitu dari abad ke-17 hingga abad ke-19, buku kajian Ibnu Sina telah dicetak dalam 15 bahasa dan digunakan oleh beberapa buah universiti dan pusat perubatan di sekitar Eropah.


Rakaman Pengembara

JASFA IMIKAH DISAH DAMMAHUM :H 17

Hamedan turut menyimpan satu daripada pusat tamadun dunia, iaitu tamadun purba yang digelar sebagai Ecbatana. Dalam bahasa Parsi kuno, Ecbatana bermaksud "Tempat Pertemuan". Menurut sejarah, kota tersebut telah dibuka dan dijadikan sebagai ibu kota kerajaan Medes pada sekitar tahun 678 SM (Sebelum Masihi). Sekitar 100 tahun kemudian, Ecbatana telah dijajah oleh kerajaan Achaemenid, di bawah pimpinan Cyrus 2. Di bawah pemerintahan beliau, kota tersebut telah menempa kegemilangan dan kemajuan dalam bidang ekonomi, kesusasteraan dan seni bina. Selepas itu, tampuk pemerintahan Cyrus 2 telah diambil alih oleh kerajaan Parthian, iaitu sebuah kerajaan Parsi. Pada tahun 330 SM, Alexander the Great dari Macedonia telah menyerang dan menawan kota tersebut.



Kompleks Makam Ibnu Sina




Laluan pejalan kaki menuju ke makam Ibnu Sina.

Bapa Perubatan Islam, Ibnu Sina.



tapak ekskavasi tamadun tua Ecbatana terletak di belakang sebuah gereja.

Masjid Jamek Hamedan.



iaitu sebuah masjid yang mempunyai reka bentuk bangunan yang sangat indah. Masjid tersebut dipenuhi dengan hiasan kaligrafi dan menyetengahkan seni bina Parsi. Tidak jauh dari masjid tersebut, terdapat makam

Segala hasil kekayaan seperti emas dan batu permata telah dijarah dengan rakus. Selepas tahun 305 SM, kota tersebut telah berpindah milik kepada beberapa orang pemerintah dari kerajaan Parsi. Pada tahun 642 M, tentera Islam dari tanah Arab telah menawan kota tersebut dan menyebarkan agama Islam. Namun begitu, selepas serangan Monggol pada tahun 1220 M dan tahun 1386 M, kota yang gah tersebut telah mengalami kehancuran dan mengakibatkan seluruh penduduknya disembelih.

Bagi tujuan keselamatan, kawasan ekskavasi, iaitu kawasan kegiatan penggalian untuk mendapatkan maklumat zaman purbakala di sekitar kota tersebut telah ditutup dan diletakkan pagar agar tidak dimasuki oleh orang awam. Hal ini juga bertujuan untuk mengelakkan kerosakan atau kecurian artifak berharga yang terdapat di kawasan tersebut.

Selepas melewati kawasan ekskavasi, penulis mengambil kesempatan untuk ke Masjid Jamek,

Esther dan Mordechai yang dipercayai oleh penganut agama Yahudi dan Kristian bahawa di makam tersebut bersemadainya Permaisuri Esther dan sepupunya, Mordechai. Makam tersebut merupakan lokasi lawatan keagamaan yang paling popular bagi penganut agama Yahudi dan Kristian apabila berkunjung ke Iran.

Walaupun Hamedan dikenali sebagai kawasan kota purba, namun kota ini turut memiliki seni bina bangunan yang moden. Terdapat laluan pejalan kaki yang dibina khusus oleh pihak pemerintah untuk kemudahan orang awam. Di sini juga terdapat beberapa buah pasar raya dan deretan kedai perniagaan yang menjual pelbagai barangan, antaranya termasuklah barangan keperluan harian, peralatan elektronik, telefon bimbit dan juga fesyen terkini.